



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

### Berita Online

i

24 JAM

# BERITA

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

### Untuk makluman:

- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP)   |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 11 MAC 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

# Program Jualan Rahmah Ramadan di 450 lokasi

Pembukaan berperingkat, kekal jualan 10 hingga 30 peratus lebih rendah

Oleh Rafiqah Dahali  
bhnews@bh.com.my

**Papar:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) akan melancarkan Program Jualan Rahmah Ramadan membabitkan 450 lokasi seluruh negara.

Menteri, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata Program Jualan Rahmah Ramadan akan dibuka secara berperingkat dan masih mengekalkan jualan barang keperluan asas antara 10 hingga 30 peratus lebih rendah berbanding pasaran.

Katanya, selain barang keperluan biasa, program itu akan turut menyediakan jualan makana keperluan harian lain seperti ayam, daging lembu, ikan dan

pelbagai hasil laut, beras serta telur ayam.

"Bekalan produk pada jualan murah ini juga membabitkan kerjasama agensi seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

"Kita harapkan dengan adanya Program Jualan Rahmah Ramadan, dapat membantu rakyat mendapatkan bekalan barang kering, barang basah, barang persiapan untuk membuat kuih raya dan sebagainya pada harga lebih murah," katanya kepada pemberita selepas sesi 'walkabout' Program Jualan Rahmah MADANI di Padang Kawad Ibu Pejabat Pasukan Gerakan Am (PGA) Sabah, di sini semalam.

**Lancar program di Putrajaya**  
Armizan berkata, pelancaran Program Jualan Rahmah Ramadan akan diadakan di Putrajaya pada hari pertama Ramadan.

"Semua boleh menyemak jadual 450 siri Program Jualan Rahmah Ramadan di laman sawang rasmi KPDN untuk maklumat lokasi di kawasan sekitar mereka," katanya.



Armizan bertemu pengunjung pada sesi walkabout Program Jualan Rahmah MADANI di Padang Kawad Ibu Pejabat PGA Sabah, semalam. (Foto BERNAMA)



Orang ramai membeli barang keperluan pada Program Jualan Rahmah MADANI di Padang Kawad Ibu Pejabat Pasukan Gerakan Am Sabah di Papar, semalam.

(Foto Mohd Adam Arinin/BH)

# Syarikat seleweng minyak masak paket akan didedah

**KPDN batal pelantikan pihak bungkus semula produk sebabkan ketirisan subsidi**

Oleh Rafiqah Dahali  
bhnews@bh.com.my

**Papar:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) akan mendedahkan senarai syarikat pembungkusan semula minyak masak bersubsidi yang dikenal pasti terbabit dalam penyelewengan.

Menteri, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata bermula Oktober lalu, kementeriannya menjalankan audit minyak masak paket bersubsidi sehingga penghujung bulan ini sebelum mengumumkan senarai syarikat terbabit penyelewengan dan ketirisan subsidi barang keperluan itu.

"Kita buat audit sebab walaupun 60 juta paket minyak masak bersubsidi dengan kuota 60,000 tan dijual di pasaran, masih ada isu bekalan tak cukup. Ada beberapa syarikat, termasuk di Sabah, kita akan umumkan kemudian."

"Kita akan batalkan pelantikan sebagai syarikat pembungkusan semula minyak masak paket," katanya ketika ditemui pemberita selepas tinjauan mesra Program Jualan Rahmah MADA-

NI di Padang Kawad Ibu Pejabat Pasukan Gerakan Am (PGA) Sabah, di sini semalam.

Armizan berkata, kementerian juga ingin melakukan penambahbaikan dari segi pengedaran agar minyak masak paket bersubsidi sampai kepada golongan sasar.

"Kita lihat pengedarannya, sebelum ini syarikat pembungkusan semula yang tentukan di mana mereka hantar bekalan, tapi antara penambahbaikan dicadang adalah KPDN dengan kerjasama pelbagai pihak akan tetukan lokasi bekalan dihantar."

"Kalau pun tak sampai ke tahap peruncit, sekurang-kurangnya (sampai) ke daerah di mana syarikat pembungkusan semula perlu hantar bekalan," katanya menambah KPDN juga akan melihat semula kuota syarikat pembungkusan semula minyak masak yang dilantik.

**Tertakluk kuota sedia ada**  
Langkah bagi menambah baik proses pengedaran minyak masak paket bersubsidi itu, katanya, bagaimanapun masih tetap tertakluk kepada kuota sedia ada yang membabitkan peratusan tertentu syarikat pembungkusan semula dilantik mengikut wilayah.

Beliau memberi contoh di Sabah, daripada keseluruhan syarikat yang dilantik, 90 peratus untuk pengedaran bagi kawasan pantai timur dan baki 10 peratus bagi kawasan pantai barat, manakala tiada syarikat dilantik bagi bahagian utara.

"Terdapat keperluan menambah syarikat pembungkusan se-

mula di pantai barat dan melantik syarikat bagi utara Sabah untuk memastikan bekalan minyak masak paket bersubsidi di dua kawasan terbabit mencukupi.

"Di utara Sabah, ada ramai golongan berpendapatan rendah, tapi tiada langsung syarikat pembungkusan semula minyak masak di sana. Apa yang menggejaskan, walaupun banyak syarikat di Pantai Timur, kita masih dengar isu kekurangan bekalan, itu yang pelik."

"Jadi secara logiknya, kita fikir kemungkinan berlaku penyeludupan di sempadan kerana timur Sabah berisiko disebabkan dekat dengan sempadan dan juga ada penyelewengan berlaku," katanya.

Armizan menjelaskan, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan ketirisan subsidi bagi barang keperluan itu, antaranya disebabkan aspek penyimpanan minyak masak yang tidak dibekalkan.

"Dari segi tangki tidak ada perbezaan. Tangki sama guna bagi proses membentol atau membungkus minyak masak bersubsidi dan minyak masak jualan biasa."

"Ada juga jual minyak masak bersubsidi kepada industri, bukan dipaket dan dijual kepada peruncit untuk pengguna."

"Malah ada juga ketirisan sehingga minyak masak paket kita dijual di negara jiran," katanya sambil menambah, KPDN akan menambah baik Sistem Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (ECOSS) bagi memantau pengedaran minyak masak paket bersubsidi dengan lebih teliti.

# 450 lokasi anjur Program Jualan Rahmah Ramadan

**PAPAR:** Kementerian Perdagangan Dalam Nege ri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memperluaskan Program Jualan Rahmah (PJR) ke 450 lokasi yang dikenal pasti di seluruh negara sepanjang Ramadhan ini.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, pihak kementerian menyasarkan untuk melaksana dua siri PJR Ramadhan di setiap kawasan Parlimen dan untuk Sabah, akan diadakan di 50 lokasi.

Beliau berkata, PJR Ramadhan sama seperti PJR lain yang menawarkan jualan produk barang keperluan asas pada kadar potongan harga antara 10 hingga 30 peratus berbanding harga jualan asal.

Namun, perbezaannya adalah barang-barang basah dan barangan keperluan harian sempena bulan Ramadhan dan Hari Raya Aidilfitri seperti tepung, telur ayam, daging, ayam dan ikan turut dijual.

“Barang keperluan untuk membuat kuih turut ditawarkan sepanjang PJR Ramadhan bagi memudahkan orang ramai membuat persiapan Aidilfitri.

“Kita harap dengan adanya PJR Ramadhan ini, kita dapat membantu orang ramai khususnya golongan sasar mendapat barang-barang kering, basah dan barang-barang persiapan Aidilfitri.”

“Usaha murni yang dijalankan oleh KPDN bersama pihak-pihak berkepentingan ini adalah salah satu inisiatif dibawah kerajaan Madani dalam membantu meringankan kos sara hidup rakyat bagi membeli keperluan asas pada harga yang lebih murah khususnya pada bulan Ramadhan,” katanya semasa merasmikan Program Jualan Rahmah di Pasukan Gerakan Am (PGA), Kinarut semalam.

## Syarikat seleleweng minyak peket dibatal lesen

**PAPAR:** Syarikat pembungkusan semula atau *repacker* yang terlibat dalam penyelewengan dan ketirisan minyak masak peket berhadapan tindakan pembatalan lesen dengan serta-merta.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, berdasarkan audit yang dilakukan bermula Oktober tahun lalu hingga penghujung Mac ini, beberapa syarikat termasuk di Sabah telah dibatalkan lesen dengan serta-merta.

Namun, pengumuman bilangan syarikat yang dibatalkan lesen ini akan dimaklumkan selepas semua negeri selesai melakukan audit kerana proses audit masih berjalan termasuk sepanjang Ramadan ini.

"Kita buat audit mana-mana berlaku penyelewengan, pelantikan mereka akan dibatalkan serta-merta sebagai

pembungkus semula."

"Antara penyelewengan yang dikenal pasti adalah syarikat terbabit tidak membezakan tangki bagi pembungkusan minyak botol dan minyak bersubsidi. Malah, ada syarikat yang menjual minyak subsidi kepada industri dan bukan dipaketkan untuk dijual kepada peruncit bagi dipasarkan untuk pengguna.

"Di samping itu, kita mendapati berlaku ketirisan hingga minyak masak peket dijual di seberang, di negara jiran," katanya selepas melancarkan Program Jualan Rahmah (PJR) di Kem Pasukan Gerakan Am (PGA), Kinarut semalam.

Justeru, KPDN akan menambah baik Sistem Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (eCoss) bagi memantau proses agihan minyak peket daripada *repacker* kepada pemborong dan seterusnya peruncit.

## Tunggu audit sebelum umum syarikat dibatal lesen – KPDN

**PAPAR** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) akan mendedahkan semula senarai keseluruhan syarikat pembungkusan semula minyak masak peket yang dibatalkan lesen selepas bulan ini.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, lesen syarikat pembungkusan semula minyak masak peket boleh dibatalkan sekiranya didapati terlibat dalam ketirisan membabitkan barang subsidi berkenaan.

"Masih terdapat beberapa negeri yang belum selesai melalui proses audit. Kita sedang melakukan audit membabitkan minyak masak peket ini sejak Ok-

tober tahun lalu lagi.

"Saya yakin ia akan selesai sehingga penghujung Mac dan senarai syarikat yang dikesan melakukan ketirisan boleh diketahui selepas itu."

"Dalam masa sama, KPDN juga mahu melihat sejauh mana keberkesanan program ini kerana menurut kuota yang ada, sebanyak 60 juta peket minyak masak di pasaran pada kuota 60,000 tan metrik.

"Ia menunjukkan ada 60 juta peket minyak masak setiap bulan, namun isu bekalan tidak mencukupi masih berlaku. Oleh itu, penting bagi kita melaksanakan audit agar dapat mengesan-

sebarang penyelewengan," katanya pada sidang akbar selepas Program Jualan Rahmah di Ibu Pejabat Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Sabah, di sini semalam.

Sementara itu, katanya, sebanyak 450 lokasi ditetapkan sebagai lokasi Program Jualan Rahmah (PJR) Ramadan secara berjadual di seluruh negara.

"Dilaksanakan di bawah Agenda Payung Rahmah Madani, PJR Ramadan akan melibatkan jualan produk barang keperluan asas pada kadar potongan harga di antara 10 hingga 30 peratus berbanding harga jualan asal," katanya.



ARMIZAN (kanan) pada Program Jualan Rahmah di Ibu Pejabat PGA Briged Sabah, Papar semalam.

# 450 lokasi Jualan Rahmah Ramadan seluruh negara

Bermula 1 Ramadan, tawar potongan harga 10 hingga 30 peratus

Oleh ASYIKIN ASMIN  
PAPAR

**S**ebanyak 450 lokasi Program Jualan Rahmah (PJR) Ramadan akan dilaksanakan di seluruh negara sepanjang bulan Ramadan ini bagi memudahkan rakyat mendapatkan barang makanan dan keperluan rumah yang lebih murah dengan potongan harga antara 10 hingga 30 peratus.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali berkata, kementeriannya mengambil inisiatif memperluaskan program baharu itu di bawah agenda Payung Rahmah Madani melalui pelaksanaan PJR tersebut bermula pada 1 Ramadan.

"Dalam PJR Ramadan ini, kita masih mengamalkan konsep barang yang ditawarkan pada kadar diskain antara 10 hingga 30 peratus berbanding harga jualan asal."

"Selain itu, pelaksanaan program ini turut menumpukan jualan barang basah keperluan untuk memasak dan juga ba-



Armizan (depan, kanan) melawat jualan PJR Madani di Padang Kawad Pasukan Gerakan Am (PGA) Kinarut, Papar pada Ahad.

rang yang diperlukan untuk bulan Ramadan dan seterusnya menghadapi hari raya seperti tepung, daging, ikan dan ayam," katanya selepas melancarkan PJR Madani di Padang Kawad Pasukan Gerakan Am (PGA) Kinarut, di sini pada Ahad.

Armizan yang juga Ahli Parlimen Papar berkata, bekalan produk tersebut melibatkan kerjasama daripada agensi kerajaan lain seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

"Kita berharap semua masyarakat

supaya melayari atau menyemak jadual 450 lokasi siri PJR Ramadan melalui pautan laman sesawang KPDN di <https://www.kpdn.gov.my/ms/jualan-rahmah> untuk mengetahui lokasi program ini.

"Sasaran kita juga dalam satu Parlimen sekurang-kurangnya dua siri PJR Ramadan dan di Sabah ada 25 Parlimen jadi ada 50 PJR Ramadan kita laksanakan," jelas beliau.

Tambahnya, Selain PJR Ramadan, KPDN juga akan melaksanakan program Bazar Ramadan dan inti pati pelaksanaannya akan diumumkan kemudian.

## Ada syarikat bungkus semula minyak masak peket akan dibatal lesen

PAPAR - Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali mendedahkan, akan ada beberapa syarikat pembungkusan semula minyak masak peket dibatalkan lesen selepas didapati terlibat dalam penyelewengan subsidi barang itu.

Katanya, jumlah syarikat yang dibatalkan akan diumumkan secara keseluruhan selepas Mac ini kerana ada beberapa negeri yang belum selesai dilakukan audit.

"Untuk minyak masak peket ini sejak Oktober tahun lalu hingga penghujung Mac ini, kita tengah buat audit untuk melihat sejauh mana keberkesanan program ini sebab kalau dilihat berdasarkan kuota sebenarnya ada sebanyak 60 juta peket minyak masak di pasaran pada kuota 60,000 tan metrik.

"Tetapi apa yang berlaku masih ada isu minyak masak peket tidak mencukupi. Itu sebabnya kita buat audit mana-mana berlakunya penyelewengan dan telah pun ada beberapa syarikat yang kita akan umumkan dibatalkan serta-merta pelantikan mereka sebagai syarikat pembungkusan semula kerana terlibat dalam ketirisan subsidi minyak masak termasuk di Sabah," ujarnya.

Ahli Parlimen Papar itu berkata, pihaknya juga akan mengambil pendekatan untuk menambah baik pengedaran barang keperluan tersebut supaya sampai ke golongan sasar.

## Tindakan tegas jika diskriminasi produk sawit

**KUALA LUMPUR** - Kementerian Perladangan dan Komoditi akan bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup untuk mengambil tindakan tegas terhadap syarikat pengimport produk yang mendiskriminasi minyak sawit di negara ini.

Menterinya, Datuk Seri Johari Abdul Ghani berkata, setiap produk import yang mempunyai tanda mendiskriminasi produk sawit akan denda sehingga RM250,000 mengikut Akta Perihal Dagangan 2011.

"Kita nampak banyak produk import dari luar (negara) yang tidak ada kena-mengena dengan sawit tetapi pada pembungkusan dinyatakan 'tanpa minyak sawit' atau *palm oil free*.

"Kita ada undang-undang. Mereka diskriminasi produk kita, mana boleh. Di Indonesia, anda tidak akan berdepan situasi ini," katanya kepada pemberita di sini pada Sabtu. - Bernama



Mingok Masak 5kg	Kicap Manis 550ml	Sandwich Breaf Loaf 600g
<b>RM 30.90</b>	<b>RM 5.30</b>	<b>RM 4.20</b>
<b>RM 22.00</b>	<b>RM 3.75</b>	<b>RM 2.95</b>
<b>RM 10.00</b>	<b>RM 3.00</b>	<b>RM 2.10</b>
<b>Bawang Kukuh 5g</b>	<b>Tepung Lili 550g</b>	<b>Ubi Kentang 5kg</b>
<b>RM 11.75</b>	<b>RM 3.25</b>	<b>RM 4.10</b>
<b>RM 8.25</b>	<b>RM 2.30</b>	<b>RM 2.90</b>
<b>RM 7.00</b>	<b>RM 1.50</b>	<b>RM 2.00</b>



Armizan ringing bell to kick off the sales programme at the General Operations Force Sabah brigade headquarters in Kinarut yesterday. —BERNAMAPIC

## Nationwide *Rahmah* sales for Ramadan

**PAPAR:** The Domestic Trade and Cost of Living Ministry will expand the implementation of the *Rahmah* Sales Programme during Ramadan at 450 locations nationwide.

Its minister Datuk Armizan Mohd Ali said this effort aims to

reduce the cost of living for the people and enable them to buy essentials at lower prices.

He said the Ramadan *Rahmah* Sales Programme provides daily necessities at a discount of between 10% and 30% compared with the

original retail prices.

"Besides sales of dry goods, the programme will also include the sale of other daily necessities such as chicken, beef, fish, assorted seafood, rice and chicken eggs."

"Items needed to make *kuih-*

*muih* for Aidilfitri will also be sold. The Ramadan *Rahmah* Sales Programme will be launched in Putrajaya and will start immediately on the first day of Ramadan," he said at the opening of the programme in Kinarut yesterday. —Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

## Peniaga palsukan alamat syarikat didakwa

**KUALA LUMPUR** – Seorang pemilik perniagaan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur di sini, di atas pertuduhan memalsukan butiran ketika mendaftarkan perniagaan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

SSM dalam satu kenyataan berkata, Teoh Wei Hau dituduh memalsukan alamat perniagaan Hai Tian Herbal Enterprise kepada pendaftar perniagaan dalam Borang A mengikut Seksyen 12(1)(d) Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (Akta 197).

Dia bagaimanapun mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Norina Zainol Abidin.

Wei Hau berdepan hukuman

denda RM50,000 atau penjara dua tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan oleh pegawai pendakwa SSM, Hamizah Sobree, manakala tertuduh tidak diwakili peguam. Hakim Norina menetapkan 20 Mac ini untuk sebutan semula kes.

Sehubungan itu, SSM mengingatkan orang ramai supaya memberikan maklumat yang betul ketika mendaftarkan perniagaan.

"Tindakan pendakwaan itu diharapkan dapat memberi pengajaran kepada tertuduh khususnya dan orang awam amnya," katanya.



SSM mendakwa seorang peniaga kerana memalsukan butiran alamat dalam borang pendaftaran di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **UMUM**

# Indeks harga makanan dunia turun

Berdasarkan laporan FAO, harga makanan dunia alami kemerosotan tujuh bulan berturut-turut

SHAH ALAM

Penanda aras bagi harga komoditi makanan dunia termasuk beras dan gandum turun untuk bulan ketujuh berturut-turut pada Februari lalu.

Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) iaitu agensi dibawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) berkata, ia didorong oleh sebut harga antarabangsa yang lebih rendah untuk semua bijirin utama kerana mengimbangi kenaikan harga gula dan daging.

Menurut agensi itu, indeks harga makanan secara keseluruhan merekodkan purata 117.3 mata laju turun sebanyak 0.7 peratus berbanding Januari lalu dan merosot sebanyak 10.5 peratus berbanding bulan yang sama tahun lepas.

"Indeks harga bijirin menurun sebanyak lima peratus pada Februari lalu untuk mencapai tahap 22.4 peratus berbanding pada Februari 2023 dan menyaksikan harga beras antarabangsa menurun sebanyak 1.6 peratus.

"Harga gandum antarabangsa turut menurun terutamanya disebabkan oleh kadar eksport yang tinggi dari Rusia. Harga eksport jagung menurun paling banyak akibat jangkaan hasil tinggi di Amerika Selatan dan harga yang kompetitif ditawarkan Ukraine," kata FAO dalam satu kenyataan pada Ahad.

Mengulas lanjut, FAO berkata, Indeks harga minyak sayu-

ran berkurangan sebanyak 1.3 peratus berbanding Januari dan berada pada paras 11 peratus berbanding nilai yang dicatatkan pada Februari 2023.

Menurutnya, harga minyak soya antarabangsa juga menurun dengan ketara, disokong oleh prospek hasil soya yang melimpah di Amerika Selatan.

Agensi makanan itu menjelaskan, harga daging biri-biri antarabangsa merosot, sebahagianya disebabkan oleh pengeluaran yang memecahkan rekod ekoran pembentukan semula kumpulan binatang ternakan tersebut di Australia.

Bagaimanapun, ujarnya, harga minyak kelapa sawit dunia meningkat pada Februari disebabkan oleh pengeluaran yang lebih rendah secara bermusim.

"Indeks harga gula juga meningkat sebanyak 3.2 peratus pada Februari. Kenaikan harga itu mencerminkan keimbangan berterusan terhadap pengeluaran Brazil yang akan datang selepas tempoh hujan di bawah purata yang berpanjangan serta ramalan penurunan pengeluaran di Thailand dan India, dua negara pengekspor utama.

"Bagi indeks harga daging pula, ia meningkat sebanyak 1.8 peratus dari Januari, dengan harga ayam meningkat paling banyak diikuti daging lembu, yang dipengaruhi oleh hujan lebat, sekali gus mengganggu pengangkutan lembu di Australia,"



ujarnya.

Tambah agensi itu, harga daging babi juga meningkat sedikit kerana permintaan yang lebih tinggi daripada China dan keadaan bekalan yang dikawal ketat di Eropah Barat.

Katanya, indeks harga tenusu meningkat sebanyak 1.1 peratus yang dipengaruhi oleh permintaan import yang lebih tinggi daripada pembeli Asia untuk mentega selain peningkatan harga juga direkodkan bagi serbuk susu dan keju.

## HARGA BARANG MAKANAN YANG TURUN

1. Beras
2. Gandum
3. Jagung
4. Minyak sayuran
5. Minyak soya
6. Daging biri-biri

## HARGA BARANG MAKANAN YANG NAJIK

1. Minyak kelapa sawit
2. Gula
3. Ayam
4. Daging lembu
5. Daging babi
6. Produk tenusu seperti mentega, serbuk susu dan keju



Penurunan harga gandum didorong oleh sebut harga antarabangsa yang lebih rendah untuk semua bijirin utama kerana mengimbangi kenaikan harga gula dan daging.

# Harga dalam negara juga kena turun

Persatuan pengguna bimbang trend penurunan lebih perlahan berbanding kenaikan harga

SHAH ALAM

**H**arga komoditi seperti beras dan gandum serta makanan di negara ini perlu lebih murah seiring dengan penurunan indeks harga makanan dunia.

Presiden Persatuan Pengguna Kedah, Mohd Yusrizal Yusoff berkata, dalam banyak kes yang berlaku sebelum ini, penurunan harga sering kali perlahan, tidak sebagaimana apabila berlakunya kenaikan harga di pasaran.

"Jika Malaysia terkena tempias daripada penurunannya, saya harapkan kerajaan tingkatkan pemantauan bagi memastikan pengedar dan peniaga juga berbuat sedemikian.

"Sama macam situasi harga beras di pasaran sekarang, kita dapat lihat paras penurunan disebabkan ia diapung, jadi peruncit atau pemborong terpaksa akur.

"Bila nampak ada kedai tak nak turunkan harga, kerajaan kena ambil tindakan kerana ia salah di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan. Kita gesa agar pihak penguatkuasaan bekerja lebih keras untuk pantau," katanya kepada Sinar Harian.



Walaupun harga tepung dunia mula menurun, kesannya belum dapat dirasai di Malaysia.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai penanda aras bagi harga komoditi makanan dunia termasuk beras dan gandum menurun untuk bulan ketujuh berturut-turut pada Februari lalu.

Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO) dalam satu kenyataan pada Jumaat berkata, ia didorong oleh sebut harga antarabangsa yang lebih rendah untuk semua bijirin utama kerana mengimbangi kenaikan harga gula dan daging.

Tambah Mohd Yusrizal, penurunan harga gandum juga disambut baik



MOHD YUSRIZAL

kerana harga roti di pasaran sudah lama naik sedangkan ia adalah antara keperluan rakyat.

"Bila harga pasaran naik impaknya harga makanan akan naik sama, kita faham. Tapi bila harga gandum turun tapi kedai tak turunkan harga makanan berdasarkan gandum, ini dah jadi satu benda yang tidak sihat. Kita minta supaya harganya juga akan menjadi lebih rendah," jelasnya.

Malaysia mengimpor RM75.6 bilion produk makanan berbanding eksport RM44.6 bilion pada 2022, menurut laporan Jabatan Perangkaan Malaysia.

## Malaysia ambil masa lebih lama turunkan harga

**SHAH ALAM** - Malaysia dijangka mengambil lebih masa untuk merasai kesan daripada penurunan harga makanan global termasuk beras dan gandum, meskipun berlaku penyusutan nilai komoditi itu di sejak tujuh bulan lalu.

Felo Perunding dan Pemegang Kursi Keterjaminan Makanan, Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan, Universiti Putra Malaysia, Profesor Datin Dr Fatimah Mohamed Arshad berkata, keadaan ini berlaku disebabkan ia bergantung kepada situasi pasaran global dan dalam negeri.

Menurutnya, menjadi kebiasaan kesan kenaikan lebih cepat dirasai pengguna berbanding penurunan yang akan mengambil masa lebih panjang.

"Fenomena ini (penurunan harga makanan dunia) menunjukkan pasaran mulai kembali normal selepas dilanda masalah tiga pandemik secara berlanjutan."

"Tiga pandemik itu ialah Covid-19, perang Rusia dan Ukraine serta perubahan iklim yang telah menyebabkan masalah kepada makanan dunia," katanya kepada *Sinar Harian* pada Ahad.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kesan yang diterima Malaysia susulan penurunan harga makanan global yang ditunjukkan ketika ini.

Ditanya syor atau cadangan kepada kerajaan dalam memastikan sekuriti makanan negara kekal berdaya tahan, Fatimah berkata, terdapat beberapa langkah yang boleh dilaksanakan.

Antara syor yang dikemukakan beliau ialah melakukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan inovasi serta mencontohi tindakan yang dibuat India yang melaksanakan transformasi pertanian.

"Tiada jalan mudah untuk Malaysia tingkatkan hasil pertanian, selain mempertimbangkan syor yang diberikan ini," katanya.

Menurutnya, sudah tiba masanya juga untuk negara bergerak ke arah dasar baharu bagi menjamin industri dan sekuriti negara.



FATIMAH



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **BERITA ONLINE**

## **KPDN & AGENSI**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

**BERITA ONLINE BERTARIKH 11 MAC 2024**

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
11-Mar	Pengarah syarikat tak mengaku kemuka maklumat palsu	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/653407/berita/semasa/pengarah-syarikat-tak-mengaku-kemuka-maklumat-palsu">https://www.sinarharian.com.my/article/653407/berita/semasa/pengarah-syarikat-tak-mengaku-kemuka-maklumat-palsu</a>	SINAR HARIAN
11-Mar	Pengarah syarikat nafi kemuka maklumat palsu beli diesel	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1068077/pengarah-syarikat-nafi-kemuka-maklumat-palsu-">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1068077/pengarah-syarikat-nafi-kemuka-maklumat-palsu-</a>	HARIAN METRO
11-Mar	Enggan jual minyak masak peket subsidi, pasar raya diserbu KPDN	<a href="https://kedahgazette.com/index.php/2024/03/07/enggan-jual-minyak-masak-peket-subsidi-pasar-raya-diserbu-kpdn/">https://kedahgazette.com/index.php/2024/03/07/enggan-jual-minyak-masak-peket-subsidi-pasar-raya-diserbu-kpdn/</a>	KEDAH GAZETTE
11-Mar	SSM serbu syarikat skim pelaburan KDF kaut RM140 juta	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1068051/ssm-serbu-syarikat-skim-pelaburan-kdf-kaut-rm140-juta">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1068051/ssm-serbu-syarikat-skim-pelaburan-kdf-kaut-rm140-juta</a>	HARIAN METRO
11-Mar	Kaut RM140 juta, skim pelaburan haram Kenaf Development Fund (KDF) diserbu SSM	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/kaut-rm140-juta-skim-pelaburan-haram-kenaf-development-fund-kdf-diserbu-ssm/">https://www.buletintv3.my/nasional/kaut-rm140-juta-skim-pelaburan-haram-kenaf-development-fund-kdf-diserbu-ssm/</a>	BULETIN TV3
11-Mar	SSM serbu syarikat skim pelaburan KDF kaut RM140 juta	<a href="https://themalaytribune.com/ssm-serbu-syarikat-skim-pelaburan-kdf-kaut-rm140-juta">https://themalaytribune.com/ssm-serbu-syarikat-skim-pelaburan-kdf-kaut-rm140-juta</a>	THE MALAY TRIBUNE
11-Mar	Kerajaan akan laksana kajian penstabilan harga barang Malaysia Timur	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/03/07/kerajaan-akan-laksana-kajian-penstabilan-harga-barang-malaysia-timur">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/03/07/kerajaan-akan-laksana-kajian-penstabilan-harga-barang-malaysia-timur</a>	FREE MALAYSIA TODAY
11-Mar	MyCC expected to table amendments to two acts this year, says Fuziah	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/03/07/mycc-expected-to-table-amendments-to-two-acts-this-year-says-fuziah">https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/03/07/mycc-expected-to-table-amendments-to-two-acts-this-year-says-fuziah</a>	THE STAR

11-Mar	New SST rates: No reports on price hike in Kedah, but consumer group wary of impact on supply chain	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2024/03/1022910/new-sst-rates-no-reports-price-hike-kedah%20-consumer-group-wary-impact">https://www.nst.com.my/news/nation/2024/03/1022910/new-sst-rates-no-reports-price-hike-kedah%20-consumer-group-wary-impact</a>	NEW STRAITS TIMES
11-Mar	Senior Fellow: SST tax hike should not be a burden to vulnerable groups	<a href="https://www.theborneopost.com/2024/03/08/senior-fellow-sst-tax-hike-should-not-be-a-burden-to-">https://www.theborneopost.com/2024/03/08/senior-fellow-sst-tax-hike-should-not-be-a-burden-to-</a>	THE BORNEO POST
11-Mar	Tauke bakeri rasa perit!	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1067932/">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1067932/</a>	HARIAN METRO
11-Mar	Kerajaan digesa hapus kartel beras segera – Ismail Sabri	<a href="https://malaysiaga-zette.com/2024/03/07/kerajaan-digesah-hapus-kartel-beras-segera-ismail-sabri">https://malaysiaga-zette.com/2024/03/07/kerajaan-digesah-hapus-kartel-beras-segera-ismail-sabri</a>	MALAYSIA GAZETTE
11-Mar	Empat Bazar Ramadan Rahmah di Melaka	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/03/empat-bazar-ramadan-rahmah-di-melaka">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/03/empat-bazar-ramadan-rahmah-di-melaka</a>	UTUSAN MALAYSIA
11-Mar	MBI senarai hitam penganjur, peniaga sewakan lot bazar Ramadan	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/653402/edisi/perak/mbi-senarai-hitam-penganjur-peniaga-sewakan-lot-bazar-ramadan">https://www.sinarharian.com.my/article/653402/edisi/perak/mbi-senarai-hitam-penganjur-peniaga-sewakan-lot-bazar-ramadan</a>	SINAR HARIAN
11-Mar	Licenses will be revoked if involved in misappropriation	<a href="https://www.theborneopost.com/2024/03/10/licenses-will-be-involved-if-involved-in-misappropriation">https://www.theborneopost.com/2024/03/10/licenses-will-be-involved-if-involved-in-misappropriation</a>	THE BORNEO POST
11-Mar	Syarikat dibatal lesen bakal diiumum lepas audit selesai	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/03/10/syarikat-dibatal-lesen-bakal-diiumum-lepas-audit-selesai/">https://www.kosmo.com.my/2024/03/10/syarikat-dibatal-lesen-bakal-diiumum-lepas-audit-selesai/</a>	KOSMO
11-Mar	Syarikat pembungkusan dikesan jual minyak masak subsidi ke negara jiran	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/03/10/syarikat-pembungkusan-dikesan-jual-minyak-masak-subsidi-ke-negara-jiran">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/03/10/syarikat-pembungkusan-dikesan-jual-minyak-masak-subsidi-ke-negara-jiran</a>	FREE MALAYSIA TODAY

11-Mar	Batal lesen jika syarikat pembungkus minyak masak bersubsidi seleweng: Armizan	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/10/batal-lesen-jika-syarikat-pembungkus-minyak-masak-bersubsidi-seleweng-armizan">https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/10/batal-lesen-jika-syarikat-pembungkus-minyak-masak-bersubsidi-seleweng-armizan</a>	UTUSAN BORNEO
11-Mar	Licenses of subsidised cooking oil packaging companies involved in misappropriation will be revoked - Armizan	<a href="https://thesun.my/local_news/licences-of-subsidised-cooking-oil-packaging-companies-involved-in-misappropriation-will-be-revoked-armizan-OL12199263">https://thesun.my/local_news/licences-of-subsidised-cooking-oil-packaging-companies-involved-in-misappropriation-will-be-revoked-armizan-OL12199263</a>	THE SUN
11-Mar	Licences of subsidised cooking oil packaging companies involved in misappropriation will be revoked	<a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/230326/licences-of-subsidised-cooking-oil-packaging-companies-involved-in-misappropriation-will-be-revoked/">https://www.dailyexpress.com.my/news/230326/licences-of-subsidised-cooking-oil-packaging-companies-involved-in-misappropriation-will-be-revoked/</a>	DAILY EXPRESS
11-Mar	Menteri: Batal lesen jika syarikat bungkus minyak masak subsidi seleweng	<a href="https://www.malaysiakini.com/news/698896">https://www.malaysiakini.com/news/698896</a>	MALAYSIA KINI
11-Mar	KPDN akan dedah syarikat pembungkusan semula minyak masak bersubsidi terbabit penyelewengan	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-akan-dedah-syarikat-pembungkusan-semula-minyak-masak-bersubsidi-terbabit-penyelewengan/">https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-akan-dedah-syarikat-pembungkusan-semula-minyak-masak-bersubsidi-terbabit-penyelewengan/</a>	BULETIN TV3
11-Mar	Batal lesen jika syarikat pembungkus minyak masak bersubsidi seleweng: Armizan	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2277888">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2277888</a>	BERNAMA
11-Mar	Batal lesen jika syarikat bungkus minyak masak subsidi seleweng – Armizan	<a href="https://www.wilayahku.com.my/batal-lesen-jika-syarikat-bungkus-minyak-masak-subsidi-seleweng-armizan/">https://www.wilayahku.com.my/batal-lesen-jika-syarikat-bungkus-minyak-masak-subsidi-seleweng-armizan/</a>	WILAYAHKU
11-Mar	Batal lesen bungkus minyak masak bersubsidi, kenakan tindakan undang-undang - KPDN	<a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/batal-lesen-bungkus-minyak-masak-bersubsidi-kenakan-tindakan-undang-undang-kpdn">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/batal-lesen-bungkus-minyak-masak-bersubsidi-kenakan-tindakan-undang-undang-kpdn</a>	BERITA RTM

11-Mar	Domestic trade minister: Licences of subsidised cooking oil packaging companies involved in misappropriation will be revoked	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/03/10/domestic-trade-minister-licences-of-subsidised-cooking-oil-packaging-companies-involved-in-misappropriation-will-be-revoked/122617">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/03/10/domestic-trade-minister-licences-of-subsidised-cooking-oil-packaging-companies-involved-in-misappropriation-will-be-revoked/122617</a>	MALAY MAIL
11-Mar	KPDN akan dedah syarikat pembungkusan semula minyak masak bersubsidi terabit penyelewengan	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1221841/kpdn-akan-dedah-syarikat-pembungkusan-semula-minyak-masak-bersubsidi">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1221841/kpdn-akan-dedah-syarikat-pembungkusan-semula-minyak-masak-bersubsidi</a>	BERITA HARIAN
11-Mar	Syarikat pembungkusan dikesan jual minyak masak subsidi ke negara jiran	<a href="https://beritasabah.com/syarikat-pembungkusan-dikesan-jual-minyak-masak-subsidi-ke-negara-jiran/">https://beritasabah.com/syarikat-pembungkusan-dikesan-jual-minyak-masak-subsidi-ke-negara-jiran/</a>	BERITA SABAH
11-Mar	Ahli perniagaan didakwa beri maklumat palsu kepada SSM	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/03/1221847/ahli-perniagaan-didakwa-beri-maklumat-palsu-kepada-ssm">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/03/1221847/ahli-perniagaan-didakwa-beri-maklumat-palsu-kepada-ssm</a>	BERITA HARIAN
11-Mar	Pemilik perniagaan mengaku tidak bersalah palsukan maklumat SSM	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/03/10/pemilik-perniagaan-mengaku-tidak-bersalah-palsukan-maklumat-ssm/">https://www.kosmo.com.my/2024/03/10/pemilik-perniagaan-mengaku-tidak-bersalah-palsukan-maklumat-ssm/</a>	KOSMO
11-Mar	Pemilik perniagaan didakwa beri maklumat palsu	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1068731/pemilik-perniagaan-didakwa-beri-maklumat-palsu">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1068731/pemilik-perniagaan-didakwa-beri-maklumat-palsu</a>	HARIAN METRO
11-Mar	Progam Jualan Rahmah Ramadan di 450 lokasi sepanjang bulan puasa - Armizan	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1221735/progam-jualan-rahmah-ramadan-di-450-lokasi-sepanjang-bulan-puasa">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1221735/progam-jualan-rahmah-ramadan-di-450-lokasi-sepanjang-bulan-puasa</a>	BERITA HARIAN